

LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA

(Boards of Architects Malaysia)

PENDAFTARAN SEBAGAI PELUKIS PELAN BANGUNAN BERDAFTAR

(Silibus bagi Ujian Kecekapan Dan Temuduga)

Silibus ini dirangka berdasarkan kepada keperluan semasa kecekapan yang diperlukan oleh Pelukis Pelan Bangunan berdaftar dan meliputi perkara-perkara berikut:

- A. Etika bagi Pelukis Pelan Bangunan berdaftar**
- B. Penyeliaan Tapak dan Pengurusan Kontrak**
- C. Pengurusan Pejabat**
- D. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam**

A. ETIKA BAGI PELUKIS PELAN BANGUNAN BERDAFTAR

Pemahaman mengenai peruntukan Akta 117, iaitu Akta Arkitek 1967 (Disemak 1973) dan Kaedah-Kaedah Arkitek 1996 adalah penting. Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan Pelukis Pelan Bangunan berdaftar adalah seperti berikut :

(1) AKTA 117, AKTA ARKITEK 1967 (Disemak 1973)
Bahagian V, seksyen 20 hingga 27.

Seksyen 20 Sekatan ke atas pelukis pelan bangunan yang tidak berdaftar.

Seksyen 21 Daftar Pelukis Pelan Bangunan .

Seksyen 22 Pendaftaran.

Seksyen 23 Pemberitahuan pertukaran alamat.

Seksyen 24 Sekatan ke atas Pelukis Pelan Bangunan berdaftar.

Seksyen 25 Pembatalan pendaftaran.

Seksyen 26 Pemotongan daripada Daftar dan pemasukan semula.

Seksyen 27 Pemulangan Perakuan Pendaftaran.

(2) KAEDAH-KAEDAH ARKITEK 1996.
Jadual Kedua (Bahagian II); Jadual Ketiga (Bahagian II)

Jadual Kedua : Kod Tata Kelakuan bagi Pelukis Pelan Bangunan berdaftar.
(Bahagian II) **(Code of Conduct of Registered Building Draughtsmen).**

1. Melaksanakan kewajipan dengan taat setia.
2. Saraan.
3. Pengiklanan dan Pemujukan.
4. Keadilan antara pihak.
5. Kesetiaan terhadap rakan.
6. Mengambil bahagian dalam lain-lain perniagaan.
7. Kedudukan bercanggah.
8. Perkongsian dengan orang lain.
9. Perkongsian dengan seseorang yang telah dikeluarkan dari Daftar.
10. Pejabat cawangan.

Jadual Ketiga : Syarat-syarat Perlantikan Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar.
(Bahagian II) **(Conditions of Engagement of Registered Building Draughtsmen)**

1. Pengawasan.
2. Penyelia kerja.
3. Pelencongan.
4. Pelan.
5. Tanggungjawab pelanggan.
6. Perunding.
7. Penamatan pertugasan.

B. PENYELIAAN TAPAK DAN PENGURUSAN KONTRAK

Bahagian ini mengandungi 3 aspek utama seperti berikut:

1. Proses Tender

**Persediaan lukisan pelan dan spesifikasi.
Mengetahui jenis-jenis tender yang lazim digunakan, seperti harga pukal dan senarai kuantiti.
Memahami dokumen tender dan isi kandungannya.
Mengetahui cara memanggil tender.
Mengetahui cara penerimaan tender.**

2. Pengurusan Kontrak

**Mengetahui jenis-jenis kontrak, seperti bentuk standard, kontrak runding, kontrak `turnkey`.
`PAM Standard Form of Contract (without quantities), penggunaan dan implikasinya.
Memahami dokumen kontrak dan isi kandungannya.
Prosidur menandatangani kontrak.
Mengetahui implikasi ikatan kontrak dan kemungkinan pertikaian.
Memahami mengenai insuran, bayaran kemajuan, arahan, dan sijil-sijil pengesahan pelukis pelan dan implikasinya.
Implikasi tempoh masa kecacatan dan perbaikannya.
Penyediaan akaun terakhir.**

3. Penyeliaan Tapak

**Persediaan program pelaksanaan kerja.
Persediaan buku harian tapak.
Tanggungjawab pegawai penguasa dan wakilnya.
Kepentingan mesyuarat tapak dan jadual kekerapannya.
Mengetahui mengenai arahan perubahan kerja.
Menyedia laporan kemajuan kerja.
Memahami mengenai penyerahan tapak (handing over).**

C. PENGURUSAN PEJABAT

Pelukis Pelan Bangunan berdaftar perlu mempunyai latarbelakang mengenai pengurusan pejabat. Dengan itu aspek-aspek pengurusan seperti berikut perlu diberi penekanan:

- 1. Lokasi pejabat dan premis.**
- 2. Struktur organisasi, staf pejabat, gaya berkomunikasi dengan pelanggan/pengusaha tempatan.**
- 3. Carta penglibatan Pelukis Pelan Bangunan berdaftar dalam industri pembinaan.**
- 4. Kelengkapan dan peralatan pejabat.**
- 5. Sistem fail.**
- 6. Perancangan dan pengawalan kewangan, menyimpan kira-kira, cara membil yuran dan bayaran pemulangan.**
- 7. Pengetahuan mengenai cukai pendapatan.**

D. UNDANG -UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM

Bahagian ini meliputi aspek-aspek berikut:-

- 1. Pengemukaan Pelan-Pelan untuk diluluskan.**
- 2. Ruang kawasan, cahaya dan pengudaraan.**
- 3. Kerja-kerja sementara berhubungan dengan Kerja-Kerja bangunan.**
- 4. Kehendak-Kehendak Struktur.**
- 5. Kehendak-Kehendak Pembinaan.**
- 6. Kehendak-Kehendak menentang Kebakaran.**